

## Projek bantu dan tular bela nasib kucing terbiar

NURUL HUDA HUSAIN

GONG BADAK

# UniSZA ada The Meow Park

Nasib kucing terbiar di sekitar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) kini terbelah apabila The Meow Park atau taman kucing diwujudkan di universiti itu seminggu yang lalu.

Usaha murni yang dibuat 22 pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Antropologi dan Dakwah) itu turut membuka peluang kepada orang ramai untuk berkongsi pahala dengan bantu menyumbang dana menguruskan taman haiwan itu.

Projek bantu dan tular itu dibuat bagi memenuhi subjek Kesukarelawan Kontemporari memilih kucing selepas melihat haiwan itu sering terbiar dan tidak diberikan makanan.

Pengarah Projek Meow Park, Hanif Haikal Ahmad Zaini berkata, pihaknya mengambil masa kira-kira tiga minggu untuk menyiapkan taman kucing yang terletak berdekatan kolej kediaman pelajar itu.

Menurutnya, buat permulaan sebanyak 11 kucing ditempatkan di taman yang mempunyai empat sangkar yang juga dibina sendiri kumpulan sukarelawan itu.

"Kita bina taman ini dengan kos RM500 hasil kutipan daripada ahli-ahli kira seramai 22 orang ini.

"Selain itu, kita juga mendapat bantuan daripada universiti dan kebanyakan peralatan bagi membina taman ini kita gunakan barangan kitar semula," katanya.

Katanya, meskipun baharu seminggu, sambutan yang diterima sangat positif.

"Ketika ini kita ada menerima sumbangan makanan kucing, peralatan dan wang daripada pelbagai pihak.

"Dalam sehari kita memerlukan kira-kira RM50 untuk kos makanan, susu dan penjagaan bagi 11 kucing ini.



HANIF HAIKAL

"Jadi kita sangat memerlukan sumbangan dan bantuan daripada ramai pihak," katanya.

Menurut Hanif Haikal, taman kucing yang dibuka setiap hari mulai jam 9 pagi hingga 7 petang itu juga dijaga secara bergilir-gilir mengikut jadual.

"Buat masa ini kita bahagikan tugas mengikut jadual dan kita juga mengalu-alukan sukarelawan untuk sertai kami.

"Penjagaan yang kita berikan ini bukan sahaja memberi makan, tetapi juga merawat dan memastikan kawasan taman ini sentiasa bersih," katanya.

Katanya, kucing-kucing yang cedera juga turut diberikan rawatan dan pihaknya juga



Sangkar yang dibina sukarelawan untuk menempatkan kucing.



Pengunjung turut bermain dengan kucing di taman itu.



Sukarelawan turut membantu memberi susu kepada kucing.

Taman kucing bersedia menerima kucing-kucing daripada luar pada masa akan datang.



turut menjalin kerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Ditanya mengenai perancangan pada masa akan datang, pihaknya juga bersedia untuk menerima kucing-kucing daripada luar dan mengadakan program kucing angkat.

Sementara itu, seorang pengunjung, Nurul Bahiah Burhanuddin, 21, berkata, dia tertarik untuk mengunjungi taman itu selepas mengetahui daripada rakan-rakan yang lain.

"Saya lihat usaha yang dilakukan ini sangat baik dan murni, jadi ia wajar disokong semua pihak," kata pelajar Fakulti Kontemporari Pengajian Islam dan Syariah.

Manakala, Saidatul Munirah Sharifuddin

info

• Taman ini dibina dengan kos RM500 hasil kutipan ahli seramai 22 orang.

• Memerlukan RM50 untuk kos makanan, susu dan penjagaan 11 ekor kucing dalam sehari.

berkata, meskipun bukan peminat tegar kucing, namun dia sangat menyokong usaha tersebut.

"Idea kreatif ini sangat menarik dan membuka peluang kepada orang lain untuk melakukan aktiviti amal," katanya.



Kucing-kucing terbiar kini terpelihara.



Suasana di Meow Park yang menarik dan unik.